



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA

MESYUARAT PASUKAN PETUGAS LOGISTIK KEBANGSAAN BILANGAN 2 TAHUN 2023

Kementerian Pengangkutan Malaysia menyambut baik inisiatif-inisiatif yang dibentangkan semasa Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) bilangan ke-2 tahun 2023 (Bil.2/2023). Ini adalah selaras dengan fungsi MOT sebagai peneraju industri logistik dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

ASEAN Framework Agreement on the Facilitation of Goods in Transit (AFAFGIT)

MOT akan melaksanakan *ASEAN Framework Agreement on the Facilitation of Goods in Transit (AFAFGIT)* bermula pada 1 Januari 2024.

Pada 16 Disember 1998, negara anggota ASEAN menandatangani AFAFGIT untuk tujuan fasilitasi pengangkutan dan perdagangan dalam usaha menyokong pelaksanaan ASEAN *Free Trade Area (AFTA)*.

Kerangka perjanjian AFAFGIT memudah cara pergerakan kenderaan barangan transit merentas sempadan di kalangan negara anggota ASEAN.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Untuk tujuan pelaksanaan AFAFGIT, Kerajaan telah mewartakan dua perundangan subsidiari iaitu Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Peredaran Antarabangsa)(Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN) 2023 dan Kaedah-Kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Peredaran Antarabangsa) (Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN) 2023 pada Isnin, 20 November 2023.

Pergerakan kenderaan barangan dagangan transit berpendaftaran asing di antara negara-negara anggota ASEAN memerlukan instrumen permit yang dikenali sebagai *ASEAN Goods Vehicle Cross-Border (AGVCB)*.

Negara-negara anggota ASEAN melantik agensi kompeten di peringkat domestik untuk mengeluarkan permit AGVCB.

Selaras dengan ketetapan AFAFGIT, agensi kompeten domestik setiap negara anggota ASEAN layak mengeluarkan 500 permit AGVCB berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan. Sekiranya diperlu, bilangan permit boleh dipertingkatkan dengan persetujuan semua negara anggota ASEAN.

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dilantik sebagai agensi kompeten yang akan mengeluarkan permit AGVCB di Malaysia. Syarikat pengusaha kenderaan barangan tempatan yang memenuhi syarat boleh





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

mengemukakan permohonan secara atas talian kepada APAD dari 1 Januari 2024.

Bagi menyokong pelaksanaan AFAFGIT, pihak berkuasa Kastam negara anggota ASEAN akan mengguna pakai *ASEAN Customs Transit System* (ACTS) bagi pengikraran dan mengawal selia pergerakan barangan dalam transit.

ACTS merupakan sistem perisian elektronik yang dibangunkan untuk tujuan pengoperasian AFAFGIT yang mengguna pakai satu kenderaan, satu jaminan dan satu pengikraran transit dalam memudah cara pergerakan barangan dalam transit merentasi sempadan negara-negara ASEAN bermula daripada negara asal (*origin country*), negara transit (*transit country*) dan negara destinasi (*destination country*) tanpa membuat pengikraran semula atau menukar kenderaan di negara yang dilalui.

Di Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan mengoperasikan dan bertanggungjawab penuh ke atas sistem ACTS.

Pengoperasian AFAFGIT pada Januari 2024 akan dimulakan di Semenanjung Malaysia terlebih dahulu manakala pelaksanaannya di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan akan bermula setelah penyertaan Brunei Darussalam, Indonesia dan Filipina dalam ACTS.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Pelaksanaan AFAFGIT akan mengubah landskap sektor logistik negara secara drastik di mana aliran pergerakan kargo dan kenderaan perdagangan di kalangan negara-negara anggota ASEAN akan dilaksanakan secara *seamless* dengan penyelarasan proses pelepasan barangan dan kenderaan di sempadan. Ini dijangka akan merancakkan jumlah perdagangan negara khususnya dengan negara-negara anggota ASEAN.

Pelaksanaan AFAFGIT juga akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat logistik tempatan untuk menembusi pasaran ASEAN dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

SOP Penahanan, Pemeriksaan dan Pelepasan Kontena

MOT membangunkan dan menguatkuasakan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk penahanan, pemeriksaan dan pelepasan kontena pada 1 Mei 2022 bagi mengatasi kelewatan pelepasan kargo di Pelabuhan-pelabuhan Persekutuan. Projek rintis bagi pelaksanaan SOP tersebut telah dilaksanakan di Pelabuhan Klang.

Penahanan kontena oleh *Other Government Agencies (OGA)* atau *Permit Issuing Agencies (PIA)* telah memberikan implikasi kepada daya saing negara dan produktiviti pelabuhan, selain menyebabkan komuniti pedagang (*traders*) mengalami kerugian dalam jumlah yang besar.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Berdasarkan SOP yang dibangunkan, OGA atau PIA perlu melepaskan kontena dalam masa tiga (3) hari kecuali kontena terbabit disita atau memerlukan pemeriksaan lanjut berdasarkan *statutory requirements*.

Sebelum penguatkuasaan SOP, hanya 70% hingga 75% kontena sahaja dilepaskan selepas pemeriksaan dalam tempoh tiga hari bekerja. Walau bagaimanapun, sejak penguatkuasaan SOP, OGA atau PIA melepaskan kontena yang ditahan dalam masa tiga (3) hari dengan pelepasan kontena mencecah paras 92% untuk tempoh 1 Mei 2022 sehingga 31 Ogos 2023 di Pelabuhan Klang.

Peningkatan dalam peratusan pelepasan kontena menunjukkan bahawa SOP ini memperkemas prosedur penahanan, pemeriksaan dan pelepasan kontena di Pelabuhan Kelang dengan penyeragaman proses kerja di kalangan OGA atau PIA.

SOP penahanan, pemeriksaan dan pelepasan kontena akan diperluaskan kepada Pelabuhan-pelabuhan Persekutuan yang lain bagi meningkatkan produktiviti pelabuhan dan daya saing negara bermula 1 Januari 2024.

Kementerian Pengangkutan, Malaysia.

21 November 2023

-TAMAT-





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA

MESYUARAT PASUKAN PETUGAS LOGISTIK KEBANGSAAN BILANGAN 2 TAHUN 2023

The Ministry of Transport, Malaysia (MOT) welcomes and appreciates the initiatives presented during the National Logistics Task Force Meeting (NLTF), No. 2/2023. This aligns with MOT's core function to *champion* the development of the national *logistics industry* for the country's economic growth.

ASEAN Framework Agreement on the Facilitation of Goods in Transit (AFAFGIT)

MOT will implement the ASEAN Framework Agreement on the Facilitation of Goods in Transit (AFAFGIT) starting January 1, 2024.

On 16 December 1998, the ASEAN member countries signed the AFAFGIT to facilitate transport and trade in supporting the implementation of the ASEAN Free Trade Area (AFTA).

The AFAFGIT will facilitate the movement of goods in transit in the ASEAN member states.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

For the operationalization of AFAFGIT, the Government has gazetted two subsidiary legislations, namely the Land Public Transport (International Circulation) (ASEAN Cross-Border Goods Vehicle) Regulations 2023 and the Commercial Vehicle Licensing Board (International Circulation) (ASEAN Cross-Border Goods Vehicle) Rules 2023 on Monday, November 20, 2023.

The movement of registered foreign goods vehicle between the ASEAN member countries requires a permit known as ASEAN Goods Vehicle Cross-Border (AGVCB) permit.

In this regard, ASEAN member states have appointed a competent authority at domestic level to issue the AGVCB permit.

In line with AFAFGIT, domestic competent authority is entitled to issue 500 AGVCB permits subject to the terms and conditions as agreed. The number of permits can be increased with the agreement by all ASEAN member countries, if necessary.

Land Public Transport Agency (APAD) has been appointed as the competent authority for issuing AGVCB permits in Malaysia. Malaysian transport operators who fulfil the criteria can apply for AGVCB permits online from APAD, starting from 1 January 2024 onwards.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

To support the operationalization of the AFAFGIT, the customs authorities of the ASEAN member countries will use the ASEAN Customs Transit System (ACTS) for goods declaration and to regulate the movement of goods in transit.

The ACTS is an electronic software system that has been developed to support the operationalization of the AFAFGIT, which enables a single vehicle, single guarantee and single customs declaration, in order to facilitate the seamless cross-border movement of goods in transit among ASEAN member countries, from the country of origin to the country of destination.

The Royal Malaysian Customs Department is the custodian to operate the ACTS system in Malaysia.

The operationalization of AFAFGIT will commence in Peninsular Malaysia in advance on January 2024 whilst it will only be implemented in Sabah, Sarawak, and the Federal Territory of Labuan after the accession of Brunei Darussalam, Indonesia, and the Philippines into the ACTS.

Implementing the AFAFGIT will change Malaysia's logistics landscape drastically, whereby the goods and commercial vehicles can move seamlessly among the ASEAN member countries with minimal goods and vehicle clearance procedures at the borders. This is expected to boost Malaysia's total trade, particularly with the ASEAN member states.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

In addition, the AFAFGIT implementation will provide opportunities for local logistics companies to penetrate the ASEAN market and subsequently enhance the country's productivity and competitiveness.

SOPs for Detention, Inspection and Release of Containers

On 1st May 2022, MOT developed and enforced Standard Operating Procedures (SOP) for the detention, inspection, and release of containers to address the issues of prolonged cargo detention at the Federal Ports. The SOP will be used by *Other Government Agencies (OGA)* or *Permit Issuing Agencies (PIA)* as a guide for container detention. The SOP has been successfully implemented in Port Klang as a pilot project. The same SOP will be expanded to other Federal Ports.

The prolonged detention of the containers at the Federal Ports by OGA and PIA has impacted the country's competitiveness and port productivity, which caused huge losses to the traders.

Based on the SOP that has been developed, OGA or PIA must execute a due diligence process in confiscating the containers, which have to be released to the traders within three (3) days.

Before the implementation of SOP, only 70% to 75% of containers were released within three (3) days of the inspection. However, since the implementation of SOP, OGA or PIA released the detained containers





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

within three (3) days, whereby Port Klang has registered 92% of containers being released from 1st May 2022 till 31st August 2023.

The increase in the percentage of container release within three days shows that SOP has streamlined the container detention, inspection and clearance procedures at Port Klang by establishing a standard work process among OGAs or PIAs.

The SOP for Detention, inspection and release of containers will be extended to other Federal Ports to increase port productivity and the country's competitiveness starting from January 1st, 2024.

Ministry of Transport, Malaysia.

November 21, 2023

-END-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Lampiran & Akronim

- a. AFAFGIT – ASEAN Framework Agreement on the Facilitation of Goods in Transit (AFAFGIT)
- b. AGVCB – ASEAN Goods Vehicle Cross-Border
- c. ACTS – ASEAN Customs Transit System (ACTS)
- d. APAD – Agensi Pengangkutan Awam Darat
- e. JKDM – Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- f. OGA – *Other Government Agencies*
- g. *Permit Issuing Agencies (PIA)* – Contoh di pautan

<http://mytraderepository.customs.gov.my/en/Pages/pia.aspx>

